

Pembaharuan Kabinet meyakinkan

Gandingan muka lama, baru beri ruang BN pulih semula sokongan rakyat

B.H 19/Mei/03 Ms 10

Analisis

INFO

Senarai menteri dan timbalan menteri mengikut negeri

	MENTERI	TIMBALAN MENTERI
Johor	8	7
Pahang	4	3
Selangor	4	2
Perak	3	5
Sabah	3	4
Kedah	-	3
Sarawak	2	9
Negeri Sembilan	2	1
Kelantan	2	-
Pulau Pinang	2	-
Terengganu	1	2
Wilayah Persekutuan	1	-
Melaka	-	2
Perlis	-	-

Oleh Kadir Dikoh

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memakai sut berjalur gelap, memasuki bilik taklimat Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya untuk mengadakan sidang media bagi mengumumkan Kabinet barunya, tepat pada masa dijanjikan - jam 12 tengah hari semalam.

Ribuan rakyat di seluruh negara terpaku di hadapan televisyen masing-masing untuk mengikuti pengumuman itu melalui TV1 dan TV3, yang dilakukan 10 hari selepas Pilihan Raya Umum Ke-12. Namun, Perdana Menteri sempat berjenaka ketika mahu memulakan sidang media apabila bertanyakan pemberita yang hadir jika ada yang membuat pertaruhan siapa yang akan dilantik menganggotai Kabinet.

Meskipun sidang media itu cuma memakan masa kira-kira 20 minit, ia memberi banyak kejutan dan jika ada yang membuat pertaruhan, tentunya ramai yang kalah. Ia adalah satu barisan anggota pentadbiran yang kecil, tetapi padat dengan 28 kementerian yang menyaksikan dua kementerian digabung.

Apa yang nyata, Abdullah menyuntik pembaharuan dalam pentadbirannya apabila menampilkan lebih separuh muka baru, selain mengetepikan beberapa menteri yang sebelum ini pernah dilanda kontroversi - satu langkah yang dilihat untuk mengembalikan keyakinan rakyat serta menurangkan bebanan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN).

Pentadbiran baru yang dikurangkan daripada 90 anggota kepada 68 anggota itu juga menyaksikan pemecutan 20 jawatan. Se-

teri. Amirsham yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malayan Banking (Maybank) akan mengetuai Unit Perancang Ekonomi (EPU), menggantikan fungsi yang dijalankan Datuk Seri Effendi Norwawi sebelum ini.

Zaid, bekas Ahli Parlimen Kota Bharu dipertanggungjawabkan untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada sistem kehakiman negara, sekali gus disambut baik oleh Majlis Peguam yang selama ini menuntut pembaharuan dalam sistem itu.

Selama ini pun, Zaid kerap mengeluarkan kenyataan dengan visi untuk memantapkan pentadbiran badan kehakiman. Apakah Zaid akan menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman yang sudah lama dinanti-nantikan oleh Majlis Peguam?

Kedua-dua senator baru itu adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama tiga Menteri lain, iaitu Tan Sri Bernard Dompok, Nazri dan Ahmad Zahid.

Mungkin tidak ramai yang menyangka Dr Mashitah yang tidak dicalonkan semula bagi kerusi Parlimen Baling dalam pilihan raya umum baru-baru ini, dilantik timbalan menteri, naik pangkat selepas menyandang jawatan Setiausaha Parlimen selama se-penggal sebelum ini. Mashitah dijangka membantu Zahid yang menjaga hal ehwal Islam.

Bagaimanapun, Abdullah dalam sidang media itu menjelaskan bahawa beliau yakin terhadap kemampuan bekas penceramah bebas berkenaan kerana kebolehannya dalam bidang agama dan mewakili wanita.

Begitu juga dengan dua menteri baru, Datuk Ismail Sabri Yaacob, 48, dari Pahang dan Ahmad Shabery. Ismail yang juga Ahli Parlimen Bera serta bekas Exco Pemuda Umno dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan.

Beliau adalah antara dua Ahli Parlimen yang terus dilantik menteri penuh tanpa

menyaksikan pemansuhan 20 jawatan Setiausaha Parlimen. Ia kini dianggotai 31 menteri, tidak termasuk Perdana Menteri dan 37 timbalan menteri berbanding 31 menteri, 39 timbalan menteri dan 20 Setiausaha Parlimen sebelum ini.

Ini bermakna, tanpa Setiausaha Parlimen, jumlah penyokong kerajaan (BN) dalam Parlimen akan kelihatan lebih banyak untuk menandingi kehadiran 82 Ahli Parlimen pembangkang kali ini. Mungkin Abdullah mempunyai alasan tersendiri untuk tidak lagi mempunyai Setiausaha Parlimen.

Seperti kata Perdana Menteri, Kabinet baru itu mencerminkan semangat perkongsian kuasa dan muafakat BN serta yakin anggotanya mampu melaksanakan agenda kerajaan dengan baik dan berkesan.

Semua negeri, kecuali Perlis mempunyai wakil dalam pentadbiran itu. Terengganu misalnya kekal dengan seorang menteri iaitu muka baru, Datuk Ahmad Shabery Cheek yang mengetuai Kementerian Penerangan, menggantikan kuota negeri itu menerusi Datuk Dr Abdullah Md Zin sebelum ini.

Bagaimanapun, berikutan kekalahan, pengunduran dan pengguguran, Perak kini mempunyai tiga menteri iaitu Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Ong Ka Chuan, selepas ketiadaan Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Seri S Samy Vellu, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Datuk Seri Abdul Aziz Sham-suddin.

Namun, Selangor kini mempunyai empat Menteri iaitu Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Datuk Mohd Zin Mohamed, Datuk Noh Omar dan Datuk Ong Tee Kiat, selepas tiada wakil sebelum ini walaupun secara teknikal Abdul Aziz yang berasal dari Perak, mewakili Parlimen Shah Alam (2004-2008).

Johor, seperti biasa mempunyai jumlah menteri paling ramai, iaitu lapan orang termasuk Senator Datuk Amirsham A Aziz, Pahang empat orang, termasuk wakil MCA, Sabah tiga, manakala dua menteri masing-masing dari Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang dan Sarawak selain satu dari Wilayah Persekutuan.

Sarawak yang menyumbangkan 30 kerusi Parlimen, menerima sebelas jawatan iaitu dua menteri dan tujuh timbalan menteri, manakala Sabah dengan sumbangan 24 kerusi Parlimen, kekal tiga jawatan menteri dan empat timbalan menteri.

Benar, Sarawak menerusi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) pernah mempunyai tiga menteri penuh sebelum ini, tetapi kini seorang saja menerusi Datuk Douglas Uggah yang dinaikkan pangkat menjadi Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Namun, PBB diberikan tiga jawatan timbalan menteri iaitu Datuk Rohani Abdul Karim (sebelum ini Setiausaha Parlimen) dan dua muka baru iaitu Ketua Pemudanya, Fadillah Yusof serta Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Abdul Taib.

Parti Progresif Demokratik Sarawak

(SPDP) juga diberi dua jawatan timbalan menteri di Kementerian agak penting, iaitu Ahli Parlimen Baram, Datuk Jacob Dungau Sagan (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) dan Ahli Parlimen Saratok, Jelaing Mersat (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).

Parti Rakyat Sarawak (PRS) pula diberi dua jawatan timbalan menteri menerusi Datuk Joseph Salang Gandum (Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi) dan Joseph Entulu (Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah) – kedua-duanya juga timbalan menteri sebelum ini.

Mungkin Pergerakan Wanita Umno agak terkejut dengan ketiadaan wakil mereka dalam Kabinet selepas Rafidah digugurkan. Namun, bekas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang tewas pada Pilihan Raya Umum 8 Mac lalu, dilantik sebagai Penasihat Khas bertaraf menteri kepada Perdana Menteri berhubung Hal Ehwal Pembangunan Wanita dan Sosial.

Namun, ada beberapa wanita dalam pentadbiran seperti Datuk Azalina Othman Saïd dan tiga timbalan menteri, iaitu Datuk Noraini Ahmad, Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Noriah Kasnon, selain dari Sarawak, Datuk Rohani Abdul Karim dan Datuk Dr Ng Yen Yen, mewakili MCA.

Selain itu, siapa sangka tokoh perbankan, Datuk Amirsham A Aziz dan peguam Datuk Zaid Ibrahim akan dilantik menjadi men-

yang terus dilantik menteri penuh tanpa melalui hierarki seperti Setiausaha Parlimen atau timbalan menteri. Seorang lagi ialah Ahli Parlimen Tanjong Malim, Datuk Ong Ka Chuan, 53, sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menggantikan tempat adiknya, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Mungkin orang ramai agak terkejut apabila tujuh menteri digugurkan, walaupun sesetengahnya sudah dijangka.

Bekas menteri yang menang pada pilihan raya umum lalu, tetapi digugurkan ialah Rafidah, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Datuk Tengku Adnan Mansor; Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad; Datuk Seri Azmi Khalid dan Datuk Seri Dr Fong Chan Onn. Turut tidak dilantik semula ialah bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, yang mahu menumpukan kepada usaha memulihkan sokongan kepada parti.

Bekas Menteri Kerjaraya dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang tewas pada pilihan raya umum lalu turut tidak dilantik semula.

Kini ada empat wakil kaum India dalam pentadbiran, iaitu seorang menteri dan dua timbalan menteri yang mewakili MIC, parti terbesar masyarakat India yang kalah teruk dalam pilihan raya umum lalu. Seorang lagi wakil India adalah daripada parti Gerakan, Senator A Kohilan Pillay, sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Tiada wakil Gerakan dilantik sebagai menteri.